



LEMBAGA PENDUDUK DAN PEMBANGUNAN KELUARGA NEGARA

TEKS UCAPAN PERASMIAN
YB DATO' SRI HAJAH NANCY SHUKRI
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN
MASYARAKAT
(KPWKM)

PROGRAM
MAJLIS PERASMIAN KEMPEN KESEDARAN KANSER
REPRODUKTIF WANITA (WCaRe) 2023

LOKASI/TARIKH/MASA
DEWAN SERBAGUNA MAHLIGAI GADING LUNDU /
29 JANUARI 2023 (AHAD) / 11.45 PAGI

KATA ALUAN

Bismillahirrahmanirrahim

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Salam Sejahtera dan Salam Kekeluargaan,**

(SALUTASI)

LAMPIRAN SALUTASI AKAN DISEDIAKAN

1. **Alhamdulillah**, syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya, kita semua diberikan kekuatan, kesihatan dan kesempatan untuk hadir ke **PROGRAM KEMPEN KESEDARAN KANSER REPRODUKTIF WANITA (WCaRe) 2023** anjuran Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) Negeri Sarawak pada pagi yang berbahagia ini.
2. Terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah kepada LPPKN Negeri Sarawak dengan kerjasama Pejabat Daerah Lundu atas inisiatif dan komitmen yang padu dalam menganjurkan program yang penuh manfaat ini.

**MEMPERGIAT KEMPEN KESEDARAN KANSER REPRODUKTIF
WANITA (WCaRE) SEBAGAI MENDUKUNG KONSEP MALAYSIA
MADANI**

Tuan-tuan dan puan-puan, hadirin yang saya hormati sekalian,

3. Pembentangan Bajet Mini 2023 telah memperuntukan sejumlah RM5.75 juta untuk segmen kesihatan wanita bagi pelaksanaan saringan awal kanser payudara dan kanser serviks. Alhamdulillah, KPWKM melalui LPPKN telah diberi tanggungjawab untuk **memenuhi hasrat kerajaan sebagai sokongan kepada usaha bersama Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) bagi mencapai sasaran matlamat global iaitu sifar insiden kanser servik menjelang tahun 2070.**

4. **Tujuan utama pelaksanaan Kempen WCaRe** ini adalah untuk **meningkatkan kesedaran semua pihak terutamanya wanita terhadap kepentingan melakukan saringan awal bagi mengesan Kanser Payudara dan Kanser Serviks** supaya langkah pencegahan dan rawatan yang sesuai dapat dilaksanakan sewajarnya untuk mereka yang memerlukan. Tuan-tuan dan puan-puan, dua jenis kanser ini merupakan kanser reproduktif yang sering menghantui kaum wanita di negara kita.

5. Kempen WCaRe ini diterajui oleh Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) yang merupakan salah

sebuah agensi di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM). Maklumat mengenai kesedaran betapa pentingnya membuat saringan awal bagi mengesan Kanser Payudara dan Kanser Serviks ini dihebahkan dan dipromosikan melalui pelbagai saluran seperti media arus perdana, media sosial, dan program-program *outreach* seperti yang dilaksanakan pada hari ini. Alhamdulillah, bersempena dengan Bulan Kesedaran Kanser Serviks pada Januari ini, sehingga 18 Januari 2023, Kempen WCare telah berjaya menyampaikan maklumat dan informasi berguna berkaitan kesedaran saringan awal kanser reproduktif kepada hampir 2.1 juta sasaran. Dalam masa hanya 18 hari, kita berjaya mempromosikan kempen ini kepada lebih 2 juta orang.

6. Selain daripada kempen kesedaran ini, LPPKN turut mempunyai kepakaran dan fasiliti untuk menjalankan Ujian HPV DNA bagi mengesan kanser serviks dan Ujian Mamogram untuk mengesan kanser payudara. KPWKM melalui LPPKN turut menyediakan subsidi bersasar untuk kedua-dua ujian ini bagi mereka yang layak, terutamanya golongan B40. Sejumlah 49 buah Klinik Nur Sejahtera (KNS) LPPKN di seluruh negara turut melaksanakan Kempen WCaRe ini dan juga menyediakan perkhidmatan Ujian Mamogram dan Ujian HPV DNA. Program *outreach* turut dilaksanakan yang diselaraskan melalui Pejabat LPPKN Negeri bagi memastikan Kempen WCaRe mendapat liputan meluas serta seramai mungkin rakyat menerima manfaat daripadanya. Ambillah peluang ini dengan hadir ke mana-mana KNS berdekatan

untuk mendapatkan perkhidmatan yang disediakan. Pelaksanaan Kempen WCaRe melalui penyediaan perkhidmatan Ujian Mamogram dan Ujian HPV DNA ini juga akan diteruskan sepanjang tahun 2023.

7. Pelaksanaan Program Subsidi Ujian Mamogram dan Saringan Kanser Serviks (Ujian HPV DNA) ini adalah selari dengan konsep **Malaysia MADANI** yang telah diumumkan oleh YAB Perdana Menteri baru-baru ini iaitu:

- i. M (keMampanan);
- ii. A (kesejAhteraan);
- iii. D (Daya cipta);
- iv. A (hormAt);

v. N (keyakiNan); dan

vi. I (Ihsan).

8. Program WCare ini memenuhi aspek **KESEJAHTERAAN, KEYAKINAN** dan **IHSAN** terutamanya dalam menjaga kesihatan wanita. Saya yakin dan percaya dengan terjaganya wanita, maka akan terjagalah keseluruhan keluarga.

PROGRAM SARINGAN KANSER SERVIKS (HPV DNA): CEGAH SEBELUM TERLAMBAT

Tuan-tuan dan puan-puan, hadirin yang saya hormati sekalian,

9. **Wanita berumur 30 tahun dan ke atas adalah kumpulan yang paling berisiko mendapat kanser serviks.** Ujian HPV DNA yang dilaksanakan oleh LPPKN menggunakan kaedah yang membolehkan wanita mengambil sampel sendiri menggunakan Kit Ujian HPV DNA yang akan dibekalkan. Dan semestinya, jururawat yang bertugas akan memberikan penerangan dan panduan terlebih dahulu untuk membantu anda. Sekali lagi saya ulang, ujian ini tidak menyakitkan *and less invasive compared to the other method available.*
10. Senang dan tidak menyakitkan, masa yang diambil pun sangat cepat. Keputusan ujian akan dimaklumkan oleh pihak Klinik Nur Sejahtera dalam masa 3-7 hari. Jadi kepada wanita di luar sana, janganlah takut

untuk mengambil ujian ini. Alhamdulillah saya sendiri pun sudah mengambil ujian ini pada bulan lepas. Semua wanita adalah disarankan supaya melakukan ujian HPV DNA setiap 3 hingga 5 tahun sekali.

11. Saya telah dimaklumkan bahawa bagi tempoh 2019 - 2022, LPPKN telah berjaya membantu **67,871 wanita untuk menjalani Ujian HPV DNA di seluruh negara, melepasi sasaran 56,000 wanita pada mulanya.** Daripada jumlah ini, 8,634 adalah wanita daripada Negeri Sarawak. Syabas dan tahniah kepada seluruh warga kerja LPPKN atas usaha keras dan komitmen semua pihak dalam menjayakan program saringan berkenaan.

12. Saya juga ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada LPPKN Sarawak dan Jabatan Kesihatan (JKN) Negeri Sarawak yang telah merintiskan kerjasama untuk pelaksanaan kempen saringan kanser serviks di negeri Sarawak. **Saya difahamkan program Gempur Saringan HPV DNA akan dijalankan bersama LPPKN Negeri Sarawak dan JKN Sarawak pada tahun ini dan akan membolehkan lebih ramai wanita menerima manfaat terutama dalam kalangan wanita berisiko di kawasan pedalaman di seluruh negeri Sarawak. InsyaAllah kerjasama rintis LPPKN dan JKN yang dimulakan di negeri Sarawak ini akan diperluaskan ke negeri lain juga selepas ini. Tahniah dan Syabas.**

PROGRAM SUBSIDI UJIAN MAMOGRAM: PENGESANAN AWAL MENYELAMATKAN NYAWA

Tuan-tuan dan puan-puan, hadirin yang saya hormati sekalian,

13. Di Malaysia, kanser payudara merupakan kanser utama yang menyerang kaum wanita dan juga antara kanser utama yang menjadi penyebab kematian dalam kalangan wanita. Kanser payudara mencatatkan peratusan yang tertinggi iaitu sebanyak **34.1 peratus (%)** berbanding kanser lain dalam kalangan wanita di Malaysia. Ini bermakna, kadar insiden kanser payudara di Malaysia adalah **34.1 kes** bagi setiap **100,000 populasi wanita**.

14. **Saya dimaklumkan bahawa LPPKN telah mula melaksanakan ujian mamogram untuk mengesan Kanser Payudara bermula tahun 2007, dan sehingga Tahun 2022, LPPKN telah melaksanakan sebanyak 463,417 ujian mamogram kepada wanita yang berkelayakan. Daripada jumlah tersebut, sejumlah 45,011 kes telah dikategorikan untuk penyiasatan lanjut yang memerlukan pemeriksaan susulan. Manakala sejumlah 929 kes telah disahkan positif kanser payudara dan telah dirujuk untuk tindakan selanjutnya. Untuk makluman semua, kita di LPPKN hanya menjalankan ujian saringan sahaja. Untuk urusan rawatan selanjutnya, kita akan rujuk kepada hospital atau institusi perubatan awam/swasta yang berkaitan.**

15. Daripada jumlah besar tersebut, seramai **70,808** wanita di Sarawak telah menjalani ujian mamogram melalui LPPKN, seramai **7,512** kes telah dikategorikan bawah penyiasatan lanjut untuk melakukan pemeriksaan susulan dan sebanyak **80** kes telah disahkan positif kanser payudara. Tuan-tuan dan puan-puan, pengesanan awal merupakan kunci utama bagi memastikan Kanser Payudara dapat dirawat dan dikawal melalui kaedah perubatan yang bersesuaian. Oleh itu, saya menyeru dan merayu kepada anda semua untuk menitikberatkan akan kepentingan pengesanan awal ini. Manfaatkanlah informasi dan perkhidmatan Ujian Mamogram yang disediakan oleh LPPKN.

16. Kita ada tiga (3) cawangan Klinik Nur Sejahtera di Miri, Sibul dan Kuching, pergilah ke mana-mana yang berdekatan dengan anda. Anda juga boleh melibatkan diri dalam program-program *outreach* seperti yang dilaksanakan pada hari ini.

PESANAN DAN HARAPAN

Tuan-tuan dan puan-puan, hadirin yang saya hormati sekalian,

17. Hasrat dan niat kita di KPWKM adalah jelas. **Pertama, kita mahukan supaya lebih ramai dalam setiap lapisan masyarakat mempunyai pengetahuan dan kesedaran mengenai pentingnya menjalani ujian awal bagi mengesan Kanser Serviks dan Kanser Payudara, terutamanya bagi wanita yang berisiko.** Selepas ini saya harap tidak

kira lelaki atau perempuan, ibu bapa, suami dan anak-anak juga boleh memainkan peranan untuk menghebahkan kesedaran ini. Yakinkan wanita-wanita dalam hidup anda untuk mendapatkan bantuan sewajarnya secepat mungkin, jangan tunggu dan jangan lengah lagi.

18. **Kedua, manfaatkanlah perkhidmatan subsidi Ujian HPV DNA dan Ujian Mamogram yang disediakan oleh LPPKN untuk mereka yang layak dalam kumpulan B40.** Saya menyeru kepada semua rakan-rakan wanita di luar sana, manfaatkanlah kemudahan yang disediakan oleh Kerajaan ini sebaiknya.

19. **Ketiga, Kempen WCare dan perkhidmatan Ujian Mamogram dan HPV DNA akan diteruskan sepanjang tahun.** Kita berhasrat untuk membantu supaya kes-kes Kanser Serviks dan Kanser Payudara dapat dikesan pada peringkat awal lagi bagi membolehkan ia dikawal dan dirawat melalui kaedah perubatan yang bersesuaian dengan segera untuk memelihara kesejahteraan semua, terutamanya wanita.
#CepatTahuCepatTindak !

PENGHARGAAN DAN PENUTUP

Tuan-tuan dan puan-puan, hadirin yang saya hormati sekalian,

20. Sebelum mengakhiri ucapan, saya ingin mengambil kesempatan sekali lagi mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak LPPKN Negeri Sarawak dengan kerjasama Pejabat Daerah Lundu atas penganjuran program yang cukup baik ini. Terima kasih juga saya ucapkan kepada semua rakan strategik dan semua pihak yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak dalam menjayakan majlis ini.

21. Terima kasih juga kepada tuan-tuan dan puan-puan yang telah memberi komitmen untuk hadir dalam program pada hari ini. Saya yakin, informasi berguna yang diperolehi pada hari ini akan dapat memberikan manfaat yang signifikan untuk kesejahteraan dan kesihatan anda semua dan keluarga kelak.

22. Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya dengan ini merasmikan
**PROGRAM KEMPEN KESEDARAN KANSER REPRODUKTIF
WANITA (WCaRe) 2023. #CepatTahuCepatTindak!**

Sekian,

***Wabilahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakattuh.***